Projek Kompleks Penyiaran Negeri Perlis ini dilaksanakan oleh Kontraktor utama dari Syarikat Pedati Teguh Sdn. Bhd. Projek ini mula dibina pada 4 Januari 2017 dan telah disiapkan pada 01 November 2019 dengan kos projek sebanyak RM18,000,000.00.

Pelaksanaan pembinaan projek ini adalah menggunakan kaedah *Industrialised Building System* (IBS) dan rekabentuk bangunan ini adalah secara Konvensional Dalamam, iaitu dengan menggunakan kepakaran Arkitek dan Jurutera JKR sendiri. Konsep rekabentuk adalah berteraskan unsur-unsur identiti RTM seperti pemasangan fasad violin di bahagian hadapan bangunan serta rekabentuk bumbung jenis monocoque.



PUSAT DISCOVERY GEOPARK, KILIM, LANGKAWI (REKA & BINA)

Projek Pembinaan Pusat Discovery Geopark, Kilim, Langkawi ini dilaksanakan secara Reka & Bina oleh Syarikat Terbit Serba Boleh Sdn. Bhd. & President Sign Sdn. Bhd. Projek ini mula dibina pada 13 Jun 2016 dan telah disiapkan pada 31 Julai 2019 dengan kos sebanyak RM15,999,999.00.

Penyerahan projek ini telah disempurnakan oleh YBrs. Ar. Zairul Azidin Bin Badri, Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Bangunan) dan turut dihadiri oleh YBrs. Encik Jazmanie Bin Shafawi, (Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan Jabatan Perdana Menteri), YBrs. Encik Azmil Munif Bin Mohd Bukhari (Pengurus Bahagian Geopark dan Konservasi, Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), YBrs. Encik Shazali Bin Samsudin (Yang Menjalankan Tugas Pengarah Kanan Cawangan Kerja Bangunan Am 1), YBrs. Tuan Haji Ibrahim Bin Ahmad (Pengarah JKR Negeri Kedah), Pegawai-Pegawai Kanan dari Jabatan Perdana Menteri, Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), Jabatan Kerja Raya Malaysia serta pihak kontraktor.



PEMBINAAN PEJABAT PENERANGAN DAERAH PEKAN, JABATAN PENERANGAN MALAYSIA NEGERI PAHANG

Majlis penyerahan projek siap telah diadakan pada 27 Jun 2019 (Khamis). Rekabentuk bangunan ini dilaksanakan menggunakan *PRE-APPROVED PLAN* (PAP), dimana rekabentuk PAP yang pertama telah dibina pada Bangunan Pejabat Penerangan Daerah Batu Pahat, Johor dan seterusnya PAP kedua digunakan bagi Projek Pembinaan Pejabat Penerangan di Daerah Pekan ini dan ketiga di Projek Pembinaan Pejabat Penerangan Daerah Rompin.

Projek Pembinaan Pejabat Penerangan Daerah Pekan ini dilaksanakan secara konvensional dalaman dengan siling peruntukan sebanyak RM4.5 juta. Tempoh pembinaan asal projek adalah selama 12 bulan yang bermula dari 25 April 2017 hingga 23 April 2018, namun projek ini telah diberikan lanjutan masa dan siap pada 13 Mei 2019 dengan kos projek sebanyak RM3,862,349.27, iaitu penjimatan kos projek hampir RM600 ribu.

Skop projek ini adalah membina Satu Blok Bangunan Dua (2) Tingkat termasuk kemudahan sokongan seperti Sub Stesen TNB yang direkabentuk oleh Cawangan Kejuruteraan Elektrik, Rumah Sampah serta Parkir Kenderaan.



PEMBINAAN PADANG BOLA SEPAK TIRUAN (ARTIFICIAL TURF) DI PADANG BOLA SEPAK TAMAN MEGAH PONTIAN, JOHOR DARUL TAKZIM

Penyerahan projek ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Ir. Muhammad Azman Bin Jamrus, Pengarah Kanan Cawangan Kerja Bangunan Am 1 kepada YBr. Puan Pinta Zulfitri Bin Mirza Asfian Ketua Seksyen Pembangunan Dan Perolehan, Kementerian Kewangan Malaysia selaku wakil Pelanggan dan seterusnya penyerahan kepada YBr. Puan Sharifah Nor Bahriah Binti Syed Yahya, Wakil Majlis Daerah Pontian.

Projek Padang Bola Sepak Tiruan di Pontian ini merupakan salah satu daripada tiga (3) buah projek padang bola sepak tiruan yang telah diamanahkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia kepada JKR untuk dilaksanakan. Dua (2) lagi projek iaitu Pembinaan Padang Bola Sepak Tiruan di Kota Bharu, Kelantan dan Padang Bola Sepak Tiruan di Labuan, telah berjaya disiapkan dan diserahkan pada 10 April 2018 dan 15 Oktober 2018. Rekabentuk padang ini telah disediakan oleh JKR secara dalaman dan tidak melibatkan perunding. Kejayaan penyiapan tiga (3) projek padang ini telah membuktikan JKR adalah sebuah agensi teknikal yang unggul dan masih relevan di negara ini terutamanya mereka bentuk dan membina padang bola sepak tiruan yang memenuhi piawaian Persekutuan Bola Sepak Dunia (FIFA).

Dalam projek ini, Cawangan Kejuruteraan Elektrik telah diberi tanggungjawab bagi merekabentuk sistem utiliti elektrik untuk kegunaan padang tersebut.



PROJEK MAHKAMAH KOTA BHARU, KELANTAN

Pada 23 Julai 2019 telah diadakan satu majlis Penyerahan Projek Siap bagi projek Mahkamah Kota Bharu, Kelantan yang mana turut dihadiri oleh Dato' Seri Utama Tengku Maimun Binti Tuan Mat, Ketua Hakim Negara, YB Tuan Mohamed Hanipa Bin Maidin, Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Hal Ehwal Parlimen), YB Dato' Wan Ahmad Farid Bin Wan Salleh, Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Kota Bharu, YBr. Tuan Ahmad Terrirudin Bin Mohd Salleh, Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia, YBhg. Datuk Ir. Muhammad Azman Bin Jamrus, Pengarah Kanan Cawangan Kerja Bangunan Am 1 selaku Pengurus Program, YB Hajah Mumtaz Binti Md Naw, EXCO Kebajikan, Pembangunan Keluarga Dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan mewakili YB Menteri Besar Kelantan, YBr. Tuan Haji Alias Bin Ab. Kadir, Jurutera Jajahan Kota Bharu selaku Wakil Pengarah Projek, YBr. Tuan Syed Akmal Bin Syed Yusof, Pengarah Urusan CAKNA Enterprise Sdn Bhd, selaku kontraktor projek serta Pegawai-Pegawai Kanan daripada JKR, JPM, BHEUU, dan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP).

Skop projek yang melibatkan Bangunan Mahkamah setinggi 5 tingkat ini mengandungi komponen-komponen utama Bilik Bicara yang terdiri daripada;

- 3 Mahkamah Tinggi
- 5 Mahkamah Seksyen
- 5 Mahkamah Majistret
- Pondok Pengawal
- Blok Pencawang Elektrik
- Blok Mekanikal
- Rumah Sampah

Projek yang dilaksanakan secara Reka Dan Bina ini juga telah berjaya disiapkan pada 15 Mei 2019 dengan kos keseluruhan projek sebanyak RM93,724,392.46.

Pihak HODT (*Head Of Design Team*) Elektrik juga turut menerima Sijil Penghargaan daripada Ketua Pengarah Kerja Raya, Dato' Ir. Dr. Meor Abdul Aziz Bin Hj. Osman di atas sumbangan dalam menjayakan projek ini



Gambar pada waktu malam di luar bangunan Mahkamah Kota Bharu



Gambar projek siap yang menjadi sebahagian daripada sumbangan kerja-kerja elektrik serta sijil penghargaan yang diterima oleh HODT UPRBA1

LAPORAN PROJEK UNIT PERUNDING REKABENTUK BANGUNAN AM 2

PEMASANGAN ELEKTRIK BAGI CADANGAN PEMBINAAN SEMULA GIATMARA WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Pembinaan semula Giatmara Wilayah Persekutuan Labuan telah menelan belanja sebanyak RM 11,615,903.30 dan telah siap dan diserahkan sepenuhnya pada 13 Mac 2020. Kontraktor utama yang diberi tanggungjawab bagi pembinaan projek ini adalah syarikat Infolada Engineering (M) Sdn Bhd. Bagi kerja-kerja elektrik pula, syarikat Unimekar Sdn. Bhd. Diberi tanggungjawab untuk pemasangan elektrik tersebut. Dalam projek ini juga, pihak JKR berjaya mencapai kos penjimatan sebanyak RM 229,023.40




Pandangan Gambar kompleks Giatmara Wilayah Persekutuan Labuan beserta Pencawang SESB untuk kegunaan semua bangunan dan fasiliti Giatmara Wilayah Persekutuan Labuan

LAPORAN PROJEK UNIT PERUNDING REKABENTUK JALAN & PENGANGKUTAN

PEMASANGAN SISTEM ELEKTRIK UNTUK INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM BAGI PEMBANGUNAN KOMPLEKS PETROLEUM BERSEPADU PENERANG, DAERAH KOTA TINGGI, JOHOR: MEMBINA JALANRAYA 4 LORONG 2 HALA DARI PERSIMPANGAN JALAN UTARA PIPC KE SEMPADAN TAPAK TERMINAL LAUT DALAM BEBAS PENERANG (P1)

Pemasangan Sistem Elektrik Untuk Infrastruktur Dan Kemudahan Awam yang diilankan oleh Unit Perunding Rekabentuk Jalan & Pengangkutan ini telah disiapkan sepenuhnya pada 24 Jun 2019 dan telah diserahkan kepada pelanggan pada Tanggal 28 Oktober 2020. Pemasangan ini telah menelan belanja sebanyak RM 140,722,162.81 yang mana dikendalikan oleh syarikat kontraktor Lambang Setia Jaya Sdn. Bhd. Antara skop bagi pemasangan sistem elektrik tersebut adalah pemasangan lampu jalan serta lampu isyarat



Gambar projek ketika pembinaan dan selepas projek siap sepenuhnya

PEMASANGAN SISTEM ELEKTRIK UNTUK INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM BAGI PEMBANGUNAN KOMPLEKS PETROLEUM BERSEPADU Pengerang, Daerah Kota Tinggi, Johor: Membina Jalanraya 4 Lorong 2 Hala dari Sempadan Petronas Rapid ke Jalan FT92 (P2)

Bagi projek Pemasangan Sistem Elektrik Untuk Infrastruktur Dan Kemudahan Awam ini pula, projek telah disiapkan sepenuhnya pada 30 Jun 2019 dan telah diserahkan kepada pelanggan juga pada Tanggal 28 Oktober 2020. Pemasangan ini pula menelan belanja sebanyak RM218,868,759.98 yang mana dikendalikan oleh syarikat kontraktor Kobako Trading Sdn. Bhd.



Gambar projek ketika dalam pembinaan dan selepas projek siap sepenuhnya

PEMASANGAN SISTEM ELEKTRIK UNTUK PROJEK INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM BAGI PEMBANGUNAN KOMPLEKS PETROLEUM BERSEPADU Pengerang, Daerah Kota Tinggi, JOHOR - MEMBINA JALANRAYA 4 LORONG 2 HALA DARI SEMPADAN PETRONAS RAPID KE PEKAN SUNGAI RENGIT (P3)

Projek Pemasangan Sistem Elektrik Untuk Infrastruktur Dan Kemudahan Awam ini telah disiapkan sepenuhnya pada 15 September 2019 dan turut diserahkan kepada pelanggan yang juga Kementerian Kerja Raya pada Tanggal 28 Oktober 2020. Kos pemasangan ini adalah sebanyak RM171,869,575.61 yang mana dikendalikan oleh syarikat kontraktor NZ Bina Sdn. Bhd.



Gambar projek ketika dalam pembinaan dan selepas projek siap sepenuhnya

LAPORAN PROJEK UNIT PERUNDING REKABENTUK KESELAMATAN

PEMASANGAN ELEKTRIK IBU PEJABAT PERTAHANAN AWAM MALAYSIA, SG. MERAB KAJANG

Unit Perunding Rekabentuk Keselamatan bertanggungjawab dalam rekabentuk elektrik bagi projek ini. Bertindak sebagai HODT, warga kerja UPRKs telah membuat rekabentuk bagi kerja-kerja pemasangan elektrik Low Voltage, ICT dan Extra Low Voltage (ELV) untuk pemasangan di projek ini. Projek tersebut menelan belanja sebanyak RM 45,394 552.39 keseluruhannya. Projek ini telah diserahkan sepenuhnya kepada pelanggan iaitu Kementerian Dalam Negeri pada 28 Ogos 2019.



Gambar projek ketika dalam pembinaan dan selepas projek siap sepenuhnya

PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK PROJEK NAIKTARAF PERUMAHAN KOMPLEKS PENJARA KAJANG, SELANGOR

Projek naiktaraf perumahan Kompleks Penjara Kajang ini telah disiapkan sepenuhnya pada 6 September 2019 dan diserahkan pada 10 Oktober 2019. Projek yang dikendalikan oleh syarikat Damaikon Sdn. Bhd. ini menelan belanja sebanyak RM 16, 863,165.81 dan lebih membanggakan apabila projek ini dapat disiapkan lebih awal dari tarikh siap sebenar. Skop kerja-kerja elektrik dalam projek ini adalah pemasangan LV, ICT dan juga ELV.



Perumahan penjara yang telah dinaiktaraf



Bilik MSB Perumahan Penjara



Pemasangan Pencawang TNB

LAPORAN PROJEK UNIT PERUNDING REKABENTUK PENDIDIKAN

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP) – PEMBINAAN BANGUNAN PENTADBIRAN CANSELORI

Pembinaan Bangunan Pentadbiran Canselori Universiti Malaysia Perlis telah disiapkan sepenuhnya pada 13 Disember 2019. Majlis penyerahan projek telah diadakan dengan rasminya kepada pelanggan Tanggal 20 Januari 2020. Secara keseluruhannya, projek ini menelan belanja sebanyak RM 8,110,524.60 yang mana melibatkan beberapa kontraktor iaitu syarikat Norangkasa Enterprise Sdn. Bhd. bagi Medium Voltage & Low Voltage, syarikat Elektrik & Telekomunikas Rista untuk pembinaan ELV serta syarikat Jana Atur Sdn. Bhd. bagi pemasangan ICT.



UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UniSZA) – PEMASANGAN ELEKTRIK BAGI PEMBINAAN BANGUNAN PERPUSTAKAAN KAMPUS /TEMBILA BESUT TERENGGANU

Pembinaan projek ini telah diserahkan kepada pelanggan pada 8 Disember 2019 dengan belanja RM1,789,919.00 harga kontrak semasa. Unit Perunding Rekabentuk Pendidikan, Cawangan Kejuruteraan Elektrik bertindak sebagai HODT bagi pemasangan elektrik dalam projek ini. Bagi pemasangan elektrik, skop kerja yang terlibat adalah pemasangan Elektrik Voltan Sederhana, Sistem Lampu Luaran, Sistem Perlindungan Kilat, Pemasangan MSB/SSB dan SB, Pendawaian, Pembumian Sistem Elektrik, Pemasangan Peralatan Elektrik dan Generator Set.



LAPORAN PROJEK UNIT PERUNDING REKABENTUK ICT

PROJEK NAIK TARAF SISTEM PERKHIDMATAN TELEFON AGENSI NUKLEAR MALAYSIA, BANGI

Bagi projek ini, Unit Perunding Rekabentuk ICT bertanggungjawab dalam memberikan khidmat nasihat teknikal bagi pemulihan dan menaiktaraf sistem perkhidmatan telefon dan sistem rangkaian (ICT). Antara perkara yang diambil perhatian dalam projek tersebut adalah seperti berikut:

- ❑ Infrastruktur asal sistem telefon ialah jenis *conventional system* menggunakan kabel jenis *multipair cable*
- ❑ Infrastruktur asal system rangkaian ialah menggunakan kabel *horizontal* jenis UTP Category 5E

Sehubungan itu, Unit Perunding Rekabentuk ICT, Cawangan Kejuruteraan Elektrik telah memberikan beberapa cadangan teknikal bagi menaiktaraf sistem sedia ada tersebut:

- Menaiktaraf sistem perkhidmatan telefon daripada *conventional system* kepada *IP PBX System*
- Menaiktaraf keseluruhan infrastruktur rangkaian ICT dan menggantikan kabel *horizontal* daripada *UTP Category 5E* kepada *Category 6* atau *Category 6A*

Gambar sambungan talian masuk oleh pihak pembekal



Rak untuk penempatan peralatan ICT di Agensi Nuklear



Keadaan bilik Subscriber Distribution Frame (SDF) yang masih menggunakan kabel jenis *Multipair (Copper Cable)* untuk sistem telefon

Private Automated Branch Exchange (Conventional PABX) yang dicadangkan untuk di naiktaraf kepada *IP Private Branch Exchange (IP PBX)*

PROJEK NAIK TARAF SISTEM PERKHIDMATAN TELEFON, UPS DAN INFRASTRUKTUR ICT DI BANGUNAN SULTAN ISMAIL & JB SENTRAL, JOHOR

Bagi menaiktaraf sistem ini, Unit Perunding Rekabentuk ICT memberikan khidmat nasihat teknikal bagi pemulihan, penggantian dan menaiktaraf sistem perkhidmatan telefon, infrastruktur ICT dan *Uninterruptable Power Supply*. Antara perkara yang diambil perhatian dalam projek ini adalah:

- ❑ Infrastruktur asal sistem telefon ialah jenis *conventional system* menggunakan kabel jenis *multipair cable*
- ❑ *Uninterruptable power supply* jenis *floor standing* yang telah menjangkau usia 12 tahun

Sehubungan itu, Unit Perunding Rekabentuk ICT, Cawangan Kejuruteraan Elektrik telah memberikan beberapa cadangan teknikal bagi menaiktaraf sistem sedia ada tersebut:

- Menaiktaraf sistem perkhidmatan telefon daripada *conventional* sistem kepada IP PBX yang memerlukan kajian ketersediaan kepada infrastruktur ICT
- Penggantian UPS dengan mengambil kira kejuruteraan terbaik N+1 dan kapasiti *backup time* yang optimum



Subscriber Distribution Frame (SDF) yang masih menggunakan kabel jenis *Multipair (Copper Cable)* untuk sistem telefon



Sistem Private Automated Branch Exchange (Conventional PABX) yang dicadangkan untuk di naiktaraf kepada teknologi baru iaitu *IP Private Branch Exchange (IP PBX)*



Floor Stand Uninterruptible Power Supply (UPS) dan *Rectifier* yang terdapat di Bangunan Sultan Iskandar, Johor yang berusia hampir 15 tahun yang mana *backup time* hanya selama 10 minit

PROJEK NAIK TARAF SISTEM PERKHIDMATAN TELEFON INSTITUT PERGURUAN ILMU KHAS, CHERAS


Bagi projek ini, Unit Perunding Rekabentuk ICT turut memberikan khidmat nasihat teknikal bagi pemulihan dan menaiktaraf sistem perkhidmatan telefon sedia ada. Antara perkara yang diambil perhatian dalam projek ini adalah:

- ❑ Infrastruktur asal sistem telefon ialah jenis *conventional system* menggunakan kabel jenis *multipair cable*

Sehubungan itu, Unit Perunding Rekabentuk ICT, Cawangan Kejuruteraan Elektrik telah mencadangkan agar sistem sedia ada dinaiktaraf kepada sistem IP PBX



Gambar pintu masuk utama Institut Penguruan Ilmu Khas (IPG Ilmu Khas), Cheras



Private Automated Branch Exchange (Conventional PABX) yang dicadangkan untuk di naiktaraf kepada IP Private Branch Exchange (IP PBX)



Gambar sambungan talian masuk oleh pihak pembekal dan distribution frame ke pengguna yang ditempatkan di dalam bilik yang sama



Gambar operator console yang masih digunakan di IPG Ilmu Khas

LAPORAN PROJEK UNIT PERUNDING REKABENTUK AKUSTIK & ELV

CADANGAN MENAIKTARAF SISTEM KESELAMATAN DI KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

Unit Perunding Akustik & ELV Cawangan Kejuruteraan Elektrik telah diberi tanggungjawab bagi menaiktaraf sistem keselamatan kamera televisyen litar tertutup CCTV di kementerian kewangan Malaysia bagi kegunaan Pasukan Jabatan KASTAM Diraja Malaysia. Projek tersebut telah disiapkan sepenuhnya pada 12 September 2019 dan telah diserahkan kepada pelanggan pada 29 November 2019 yang mana telah menelan belanja sebanyak RM 9,285,299.40





ANUGERAH & PENGIKITIRAFAN

The background of the entire page is a blurred image of a person wearing a blue shirt. Overlaid on this is a network diagram consisting of white dots connected by thin white lines, creating a web-like pattern across the left and top portions of the image.

ANUGERAH TOKOH CAWANGAN

PENGIKTIRAFAN

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

ANUGERAH TOKOH CAWANGAN

JAN - JUN



NORISYAM BIN NASERI

- ❖ JURUTERA ELEKTRIK (J41)
- ❖ UNIT PENGURUSAN ASET & STOR



MOHD FIRDAUS BIN ZUBIR

- ❖ PEN. JURUTERA ELEKTRIK (JA29)
- ❖ UNIT PERUNDING REKABENTUK JALAN & PENGANGKUTAN



KHAIRUL ADHA BIN MUHAMMAD SANI

- ❖ PEMBANTU KEMAHIRAN (H19)
- ❖ UNIT PERUNDING INSPEKTORAT DAN KESELAMATAN ELEKTRIK

JULAI - DIS



FARAH FAIZATUL BINTI NOORLIN

- ❖ JURUTERA ELEKTRIK (J44)
- ❖ UNIT PENSIJILAN BAHAN DAN STANDARD



MARNIZA BINTI ZAINOL ABIDIN

- ❖ PEN. JURUTERA ELEKTRIK (JA29)
- ❖ UNIT PERUNDING REKABENTUK JALAN & PENGANGKUTAN



SOMUSEGARAN A/L SUPPIAH

- ❖ PEMANDU KENDERAAN (H14)
- ❖ BAHAGIAN PENYELARASAN DAN KHIDMAT SOKONGAN

PENGIKTIRAFAN

Tahniah di atas pengiktirafan sebagai *ASEAN Chartered Professional Engineer* (ACPE) yang dianugerahkan kepada **Ir. Hamzah bin Ismail** yang dianjurkan oleh *ASEAN Mutual Recognition Arrangement of Engineering* (ASEAN MRA) pada 8 Januari 2019



ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

SENARAI PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2019

BIL.	NAMA PENERIMA	JAWATAN
1	Ir. ZURAIDAH BINTI MUHAMAD	JEPK J54
2	PUAN LILYWATI BINTI MANAP	JEPK J54
3	ENCIK ESA BIN A RAHMAN	JEP J52
4	Ir. HAIROL BIN AB RAHIM	JEP J52
5	Ir. Dr. ABDUL MUHAJMIN BIN MAHMUD	JEP J52
6	Ir. HAMZAH BIN ISMAIL	JEK J48
7	PUAN MIMINDIAWANEE BINTI MAT ARUB	JEK J48
8	PUAN AIZA BINTI ABDUL ADZIS	JEK J48
9	Ir. NORSHAHFARIZ BIN BISNI	JEK J48
10	Ir. SHAHRULNIZAM BIN SALIHIN	JE J44
11	PUAN FARAH FAIZATUL BINTI NOORLIN	JE J44
12	ENCIK MUHAMMAD SAFWAN BIN ABDUL MANAF	JE J41
13	PUAN NALIZAH BINTI MUSTAFA	PPT N36
14	ENCIK MOHD FIRDAUS BIN ZUBIR	PJE JA29
15	PUAN ROSHIMA BINTI ROMLAI	PJE JA29
16	ENCIK MOHD ZULFADLI BIN SAHARUDDIN	PJE JA29
17	ENCIK LETCHUMANAN A/L KAMALAPPEN	PJE JA29
18	ENCIK MOHD YUSNI BIN KARIM	PJE JA29
19	PUAN SITI NOOR BAHZURAH BINTI MOHD KHALID	SETIAUSAHA PEJABAT N29
20	HALIZA BINTI HARUN	PEM.TADBIR(P/O) N19
21	MUHAMMAD FEROUZ BIN KHAIRUDDIN	PENJAGA JENTERA ELEKTRIK J19

The background of the slide is white, decorated with several large, stylized stars. Some stars are red with a white outline, while others are white with a red outline. They are arranged in a scattered pattern, with some appearing to have a 3D effect as if they are floating or layered.

P

ENCAPAIAN RESTASI



IOT

LAPORAN PELAN BISNES

PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN

LAPORAN INSPEKTORAT, SENGGARA & POE

LAPORAN PELAN BISNES

Bil	Bahagian	Bil. Pengukuran	Bil. Pengukuran Yang Diambil Kira	Bil. Sasaran Tercapai 2019	Bil. Sasaran Tidak Capai 2019	% Weightage	% Pencapaian
1.	Bahagian Perunding Rekabentuk	16	12	8	4	20	17.68
2.	Bahagian Perkhidmatan Pakar	14	14	13	1	20	19.94
3.	Bahagian Kompetensi, Inovasi dan Prestasi	29	29	28	1	30	29.81
4.	Bahagian Penyelarasan Khidmat Sokongan	12	12	12	0	15	15
5.	Bahagian Pengurusan Portfolio & Kualiti	7	7	7	0	15	15
Jumlah		78	74	68	6	100	97.43

PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN

Janji	Menepati Tempoh Masa Piagam Pelanggan		Tidak Menepati Tempoh Masa Piagam Pelanggan		Jumlah
	Bilangan Aktiviti	Peratus (%)	Bilangan Aktiviti	Peratus (%)	
a. Tindakan awal terhadap aduan kerosakan elektrik dan membuat penyiasatan kerosakan elektrik – 1 hari	35545	99.99	2	0	35547
a. Mengambil tindakan pembaikan kerosakan elektrik – 7 hari	35547	100	0	0	35547

LAPORAN INSPEKTORAT

INSPEKTORAT OLEH UPIKE DAN JKR ELEKTRIK NEGERI 2019

Pelaksanaan inspektorat elektrik telah diamalkan di CKE Ibu Pejabat dan di semua CKE Negeri sepanjang tahun 2019. Sebanyak 143 lawatan telah di buat di seluruh Semenanjung Malaysia dan WP Labuan. Objektif pelaksanaan inspektorat elektrik ini adalah bagi memeriksa pemasangan elektrik bangunan-bangunan kerajaan untuk memberi khidmat nasihat dan maklum balas kepada penghuni / pelanggan mengenai keadaan pemasangan serta status pematuhan kepada perundangan. Bilangan pemeriksaan mengikut negeri adalah seperti di Carta Bar berikut:

**GRAF PENCAPAIAN
PELAKSANAAN INSPEKTORAT
TAHUN 2019**



ANALISA PENEMUAN INSPEKTORAT

Analisa penemuan ketidakpatuhan berdasarkan kepada bilangan penemuan bagi 143 laporan inspektorat ini dipecahkan kepada 3 bahagian utama mengikut undang-undang yang terlibat dan bilangan penemuan inspektorat adalah seperti berikut

Bil	Undang-Undang	Bilangan Penemuan	Peratus
2.1	Akta Bekalan Elektrik	33	2%
2.2	Peraturan-Peraturan Elektrik 1994	1761	96%
2.3	Uniform Building By-Law	49	3%
JUMLAH		1843	100%

KETIDAKPATUHAN PADA PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK 1994



MSB YANG TIDAK DISELENGGARA

- ❑ Kesan habuk yang terlalu banyak boleh mengganggu pengudaraan dalam panel MSB

TAMATAN KABEL MENGGUNAKAN PITA PELEKAT

- ❑ Tamatan yang mengikut piawaian adalah menggunakan Cable Sleeve



TIADA PAPARAN SKEMATIK

- ❑ Paparan gambarajah skematik bagi pemasangan papan suis adalah mandatori



KETIDAKPATUHAN PADA UNIFORM BUILDING BY-LAW



ALAT PEMADAM API TIDAK DILETAKKAN DI TEMPAT YANG SEPATUTNYA

- ❑ Lokasi alat pemadam api perlu dilengkapi dengan papan tanda yang menunjukkan kedudukannya dan juga tatacara penggunaan alat pemadam api



Expiry Date: 24-01-2015

ALAT PEMADAM API TAMAT TEMPOH

- ❑ Alat pemadam api perlu diperiksa oleh kontraktor berdaftar dengan Jabatan Bomba setahun sekali. Jika alat pemadam api tamat tempoh, ini bermakna tiada pemeriksaan dan penyelenggaraan dilakukan yang boleh mengakibatkan alat pemadam api tidak berfungsi sepenuhnya



TANDA KELUAR TIDAK BERFUNGSI SEPENUHNYA

- ❑ Pintu keluar tingkat dan akses kepada pintu keluar hendaklah ditanda dengan tanda-tanda yang dapat dilihat dengan mudah.



Fakta Menarik Tentang KELUAR


- ❑ Tidak dilindungi oleh apa-apa perhiasan, perabot atau kelengkapan lain
- ❑ Bahagian hijau wajib mewakili lebih 50% daripada keseluruhan bahagian papan tanda amaran

LAPORAN SENGARA DAN POE

KERJA-KERJA SENGARA ELEKTRIK TAHUN 2019 DI PREMIS KERAJAAN

Sepanjang tahun 2019, JKR Cawangan Kejuruteraan Elektrik (CKE) di peringkat ibu pejabat dan CKE Negeri telah membelanjakan peruntukan sebanyak RM137,685,306.39 bagi kerja-kerja pembaikan senggara elektrik untuk bangunan kerajaan di seluruh Semenanjung Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan Labuan. Peruntukan penyelenggaraan yang diterima adalah daripada **Vot B - Belanja Mengurus**, **Vot P - Pembangunan** dan **Vot S - Pembangunan**. Proses perolehan kerja-kerja penyelenggaraan elektrik ini dilaksanakan secara Lantikan Terus, Undi, Sebutharga dan Tender di pejabat yang berkaitan.

Pecahan perbelanjaan mengikut peruntukan adalah seperti berikut



Secara amnya, skop kerja pembaikan sistem elektrik yang terlibat adalah seperti berikut:

- Pendawaian semula sistem elektrik di lokasi yang berkaitan
- Penggantian alat ganti elektrik yang rosak / uzur
- Kalibrasi sistem perlindungan di Papan Suis
- Lain-lain kerja pembaikan kecil yang berkaitan dengan sistem elektrik

PERBELANJAAN PENYENGGARAAN ELEKTRIK DI BANGUNAN KERAJAAN
BAGI TAHUN 2019



Bagi tahun 2019, Kementerian Pelanggan yang telah mendapatkan perkhidmatan senggara Elektrik adalah seperti berikut

KEMENTERIAN	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
Kementerian Pendidikan	112,300,210.33
Kementerian Dalam Negeri	7,796,908.77
Kementerian Kesihatan	2,783,223.06
Kem. Pengangkutan	1,175,860.38
Kem. Kewangan	1,044,304.75
Lain-lain Kementerian	12,584,799.10
JUMLAH	137,685,306.39



Lensa Mesyuarat Penyelarasan Senggara Elektrik Bersama Cke Negeri Dan Wp Labuan Pada September 2019



MESYUARAT PENGURUSAN & TEKNIKAL

The background of the entire page is a blurred image of a person wearing a blue shirt. Overlaid on this image is a network of white dots connected by thin white lines, creating a web-like pattern. The text is presented in three dark grey rounded rectangular boxes.

MESYUARAT PENGURUSAN CAWANGAN

MESYUARAT PENGURUSAN PROJEK

MESYUARAT KETUA-KETUA JURUTERA ELEKTRIK
JKR Se-MALAYSIA

MESYUARAT PENGURUSAN & TEKNIKAL

SIRI MESYUARAT DI CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK

Terdapat beberapa siri mesyuarat di Cawangan Kejuruteraan Elektrik yang telah dijalankan sepanjang tahun 2019. Antara mesyuarat yang telah dilangsungkan adalah seperti berikut:

Mesyuarat Pengurusan Cawangan

Mesyuarat Pengurusan Cawangan ini bertujuan bagi membincangkan isu-isu semasa dalam cawangan serta menjadi satu pentas bagi pihak pengurusan meneliti arah tuju dan prestasi Cawangan Kejuruteraan Elektrik. Mesyuarat ini diadakan pada setiap bulan bagi membolehkan pihak pengurusan memantau prestasi tersebut secara bulanan.

Mesyuarat Pengurusan Projek

Mesyuarat ini bagi membolehkan pihak penurusan memantau situasi dan status pelaksanaan projek-projek yang dikendali dan dipertanggungjawabkan kepada unit-unit di bawah seliaan Cawangan Kejuruteraan Elektrik.

Mesyuarat Ketua-ketua Jurutera Elektrik JKR SeMalaysia

Mesyuarat ini pula diadakan pada setiap sukuan bagi memastikan perjalanan seluruh cawangan elektrik di setiap negeri serta kader sentiasa selari dengan Ibu Pejabat. Mesyuarat ini dijadikan pentas untuk membincangkan mengenai isu-isu dan keperluan dalam setiap cawangan serta cadangan bagi penambahbaikan pengurusan. Mesyuarat ini juga turut diadakan sekali dengan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan & Akaun (JPKA) untuk memantau perbelanjaan cawangan.



**LENSA MESYUARAT PENGURUSAN CAWANGAN DI IBU
PEJABAT CKE**

MESYUARAT KETUA-KETUA JURUTERA ELEKTRIK SEMALAYSIA BIL 1/2019

Tarikh : 23-25 Januari 2019

Tempat : SENAI, JOHOR



MESYUARAT KETUA-KETUA JURUTERA ELEKTRIK SEMALAYSIA BIL 2/2019

Tarikh : 15 & 16 April 2019

Tempat : PARLIMEN MALAYSIA



MESYUARAT KETUA-KETUA JURUTERA ELEKTRIK SEMALAYSIA BIL 3/2019

Tarikh : 14 -16 Julai 2019

Tempat : Port Dickson



MESYUARAT KETUA-KETUA JURUTERA ELEKTRIK SEMALAYSIA BIL 4/2019

Tarikh : 14 - 16 Oktober 2019

Tempat : Ipoh, Perak



MESYUARAT PENYELARASAN PELAKSANAAN PROJEK AP182



JKR NEGERI KELANTAN – Mesyuarat Penyelarasan Pelaksanaan Projek AP182 telah diadakan pada 15 - 17 Mei 2019 yang melibatkan semua Ketua-Ketua Jurutera Elektrik Ibu Pejabat dan Negeri. Mesyuarat ini adalah salah satu platform untuk mendapatkan cadangan pelaksanaan serta risiko yang terlibat. Lawatan Teknikal ke Projek Mahkamah Syariah Kota Bharu yang menggunakan teknologi lampu LED sebagai lampu fasad. Lawatan Masjid Ar-Rahman Mukim Pulau Gajah, Kota Bharu turut diadakan dimana pemasangan sistem solar dan juga pemasangan elektrik bagi rekabentuk masjid yang unik.



LENSA PERISTIWA

LAWATAN KERJA TIMBALAN MENTERI KERJA
RAYA KE CKE

ELECTRICAL ENGINEERING CONFERENCE YEAR
2019 (EnCon'19)

HARI PROFESION TEKNIKAL NEGARA TAHUN 2019

LAWATAN KERJA TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA KE CKE

Pada 24 Jun 2019 Timbalan Menteri Kerja Raya YB Tuan Haji Anuar bin Mohd Tahir telah membuat satu lawatan kerja ke Cawangan Kejuruteraan Elektrik untuk bertemu dengan pihak atasan CKE untuk berbincang berkenaan dengan permasalahan dan kekangan yang dihadapi pada masa kini dalam memberi khidmat bakti kepada masyarakat. Lawatan tersebut juga dapat mengeratkan hubungan antara Pihak Pengurusan Atasan Kementerian Kerja Raya dan Agensi dibawahnya seperti CKE. Pihak CKE berbesar hati dan merakamkan ribuan terima kasih kepada YB kerana sudi hadir ke CKE.



ELECTRICAL ENGINEERING CONFERENCE YEAR 2019

Electrical Engineering Conference Year 2019 adalah sebuah program yang dianjurkan sepenuhnya oleh warga CKE. Warga CKE berpeluang untuk melibatkan diri di dalam program ini bagi meningkatkan lagi kemahiran serta pengetahuan masing-masing dalam teknologi serta perubahan dan perkembangan baharu dalam kerja-kerja pemasangan dan penyelenggaraan elektrik.

Program yang berlangsung selama dua hari ini memaparkan pelbagai aktiviti menarik seperti pembentangan teknikal yang disampaikan oleh para Speaker serta pembentangan inovasi warga CKE. Turut memeriahkan lagi aturcara program, Dato' Dr. Sheikh Muszaphar Shukor Al Masrie bin Sheikh Mustapha yang juga hadir dalam program berkenaan turut berkongsi pengalaman menjadi salah seorang bekas angkasawan negara.

Lebih menarik, kehadiran peserta ke program ini dirakamkan oleh sistem teknologi pengecaman wajah (*Face Recognition System*) yang mana tidak lagi memerlukan sebarang tindakan pengesahan kehadiran secara manual seperti sedia ada. Bukan itu sahaja, malahan gimik perasmian yang disempurnakan oleh Ybhg Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya Sektor Bangunan turut menggunakan teknologi "*Virtual Reality (VR)*" yang memaparkan visual 3 dimensi dalam roket angkasa lepas.



HARI PROFESION TEKNIKAL NEGARA 2019

Sambutan Hari Profesion Teknikal Negara (HPTN) adalah bagi menghargai kepentingan para profesion teknikal atas sumbangan mereka terhadap kemajuan infrastruktur, pembangunan dan permodenan negara. Antara bidang teknikal yang dikenali termasuk kejuruteraan, sains, teknologi, seni bina dan ukur.

Cawangan Kejuruteraan Elektrik telah diberi tanggungjawab bagi menyelia lokasi program serta selebriti teknikal jemputan yang akan membentangkan kejayaan serta perkongsian pengalaman mereka di sektor industri khususnya bidang teknikal. Berikut merupakan selebriti teknikal yang telah dijemput bagi program tersebut:

- ☐ Dato' Norman bin Abdul Halim (Animasi KRU Studio)
- ☐ Nurizzati Athirah binti Muhamad Yusoff (Jurukimpal Dasar Laut Wanita Pertama Negara)
- ☐ Datuk Ir. Hj. Wan Nazri bin Wan Aria (Perekabentuk Menara Jam Mekah)
- ☐ Dato' Dr. Sheikh Muszaphar Shukor Al Masrie bin Sheikh Mustapha (Angkasawan Negara)





HPTN 3 & 4 Disember 2019

01 Ucapan Perasmian Oleh YB Menteri Kerja Raya

02 Dato' Norman Abdul Halim, KRU Animation Studios

03 Lensa HPTN dihadapan TM Convention Centre bersama Dato' Dr. Sheikh Muszaphar Shukor, Angkasawan Negara

04 Wakil Jawatankuasa CKE Ir. Dr. Megat Zuhairy dalam sesi ON AIR di TraXX FM

05 Lensa selebriti teknikal Datuk Ir. Hj. Wan Nazri Wan Aria, Perekabentuk Menara Jam Mekah (tengah)

06 Pentas ucapan dan gimik HPTN

07 Lensa Menteri Kerja Raya bersama warga kerja HPTN



JASAMU DIKENANG BUDIMU DISANJUNG



PERSARAAN PEGAWAI KANAN

JURUTERA ELEKTRIK PENGUASA KANAN

Ir. Sabariah binti Hussain
1 Februari 2019



JURUTERA ELEKTRIK PENGUASA KANAN

Ir. Muhamed Tarmizy bin Yaacob
10 Februari 2019

JURUTERA ELEKTRIK PENGUASA KANAN

Ir. Hj. Baihaki bin Azraee
24 Februari 2019



PENGARAH PERUNDING REKABENTUK

Ir. Haizan bin Husein
16 Jun 2019

PENGARAH KANAN

Dato' Ir. Shuib bin Tabri
2 Julai 2019



JURUTERA ELEKTRIK PENGUASA

Hj. Nik Ibrahim bin Nik Abdullah
14 Disember 2019

P
PROGRAM
CORPORATE
SOCIAL
RESPONSIBILITY

CSR



PROGRAM CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY (CSR)

Pada tanggal 15 Mei 2019, wakil cawangan yang hadir ke Mesyuarat Penyelaras Pelaksanaan AP182 telah mengadakan lawatan teknikal ke Masjid Ar-Rahman Mukim Pulau Gajah, Kota Bharu, Kelantan. Dalam lawatan ini, pegawai didedahkan dengan keunikan rekabentuk masjid serta pemasangan sistem elektrik dan solar di masjid berkenaan.

Dalam kesempatan itu juga, pegawai-pegawai yang hadir juga turut serta dalam program *Corporate Social Responsibility* (CSR) yang dianjurkan oleh pihak urusetia. Dalam program tersebut, pegawai diberi kesempatan untuk menghadiri ceramah yang disampaikan oleh kakitangan masjid sempena bulan Ramadhan tahun lalu. Pihak urusetia juga turut mengaturkan sebuah sesi dimana YBhg. Dato' Ir Shuib bin Tabri, Pengarah Kanan CKE berkesempatan untuk mewakili CKE bagi menyampaikan sumbangan kepada pihak pengurusan masjid tersebut.





KEBAJIKAN & AKTIVITI SOSIAL



The background of the entire page is a blurred image of a person wearing a blue shirt. Overlaid on this image is a network of thin, light-colored lines connecting small, glowing white dots, creating a digital or technological aesthetic.

MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA CINA

MAJLIS MAKAN MALAM SEMPENA EnCON'19

PERTANDINGAN BOLING TERTUTUP 2019
(PIALA PRESIDEN KELAB AKSI)

MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA CINA



15 Februari 2019 | Ruang Legar Aras 3, Blok G

MAJLIS MAKAN MALAM SEMPENA EnCON'19



9 Oktober 2019
Dewan CREaTE, Melaka

PERTANDINGAN BOLING TERTUTUP 2019 (PIALA PRESIDEN KELAB AKSI)



BARISAN
SIDANG
REDAKSI



PENASIHAT

Ir. Zuraidah binti Muhamad

Bahagian Penyelarasan & Khidmat Sokongan



KETUA AUDITOR

Hasrudin bin Md. Fadzali

Unit Audit Kejuruteraan

Bahagian Penyelarasan & Khidmat Sokongan



Juhanis binti Mohd Alias

Unit Kualiti dan Aset Kejuruteraan

Bahagian Penyelarasan & Khidmat Sokongan



Nurulhuda binti Azmi

Unit Audit Kejuruteraan

Bahagian Penyelarasan & Khidmat Sokongan



Norhidayah binti Mohd Yusof

Bahagian Pengurusan Portfolio & Kontrak



Norisyam bin Naseri

Unit Kualiti dan Aset Kejuruteraan

Bahagian Penyelarasan & Khidmat Sokongan



Zahari bin Mamat

Unit Audit Kejuruteraan

Bahagian Penyelarasan & Khidmat Sokongan



Farah Faizatul binti Noorlin

Unit Pensijilan Bahan & Standard



Ir. Wan Fatimah binti Wan Muhamad

Unit Perunding Inspektorat & Keselamatan
Elektrik



Muhammad Faiz bin Mohd Khir

Unit Audit Kejuruteraan

Bahagian Penyelarasan & Khidmat Sokongan



Muhammad Izzat bin Ishak
Bahagian Kompetensi, Inovasi & Prestasi

Nur Liyana Amni binti Salahuddin
Unit Perunding Akustik & ELV



Mohd Akmal bin Zubaidi
Unit Perunding Rekabentuk Jalan & Pengangkutan



Fairozie binti Isa
Unit Perunding Rekabentuk Keselamatan



Mohd Quyyum bin Ab Rahman
Unit Perunding Kecekapan Tenaga Elektrik



Sofea Aini binti Abdullah
Unit Perunding Rekabentuk Pendidikan



Rosliana binti Mat Senapi
Unit Perunding ICT



Hasrolnizam bin Hashim
Unit Perunding Rekabentuk Kesihatan

Haiziah binti Harif
Unit Perunding Rekabentuk Bangunan Am 1



Siti Harisa binti Mada
Unit Perunding Rekabentuk Bangunan Am 2





**CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK
IBU PEJABAT JKR MALAYSIA
TINGKAT 11, MENARA KERJA RAYA (BLOK G)
JALAN SULTAN SALAHUDDIN
50480 KUALA LUMPUR**